

KASUGA 2010

Karnival Sukan keluarga (KASUGA) Sekolah Perniagaan & Ekonomi 2010 yang berlangsung pada 22 - 25 Julai 2010. Karnival sukan tersebut merupakan acara tahunan yang menjadi program tahunan. Pelbagai acara sukan telah dipertandingkan dengan penglibatan 10 program pengajian yang terdapat di SPE. Beberapa acara sukan berpasukan telah dipertandingkan antaranya bolakeranjang, bola sepak, futsal, bola jaring, sepak takraw, boling dan bola tampar selain acara sukan-suka yang menambah kemeriahan carnival sukan kali ini. Upacara penutupan telah dilakukan oleh wakil Dekan SPE, Dr. Zatul Karamah A.B.U Dalam ucapan penutupan tersebut, beliau memuji langkah Persatuan Mahasiswa Perniagaan & Ekonomi (PMPE) dalam menganjurkan aktiviti sukan sebegini. Melalui aktiviti sukan seperti ini turut memberi nilai tambah kepada diri mahasiswa dan mahasiswi. Turut hadir dalam majlis penutupan tersebut adalah beberapa orang ketua program dan pensyarah yang datang memberikan sokongan kepada penglibatan pelajar dalam program masing-masing. Menurut Pengarah KASUGA 2010, Saudari Tay Kai Xin, pihaknya bercadang untuk menambah acara trek pada KASUGA tahun hadapan bagi menambahkan kemeriahan dan penyertaan dari para pelajar. Sambutan terhadap acara-acara sukan yang di anjurkan di SPE sering mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan mahasiswa dan mahasiswi dan inilah yang menjadi faktor kecemerlangan pelajar-pelajar dalam acara sukan yang dipertandingkan di peringkat universiti.

